

## ISLAM DAN PERCINTAAN

10 FEBRUARI 2023 | 19 REJAB 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَمَدُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Perasaan cinta dan sayang antara lelaki dan perempuan adalah fitrah kejadian manusia. Allah Subhanahu wa Ta'ala menciptakan lelaki dan perempuan adalah untuk hidup berpasangan yang berasaskan cinta. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Rum ayat 21,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَ كُمْ مَوَدَّةً  
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذَّاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦﴾

**Yang bermaksud:** “Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya, Dia menciptakan untukmu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenis mu sendiri, agar kamu senang hati dan hidup mesra dengannya, dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) rasa kasih dan sayang serta belas kasihan. Sesungguhnya perkara ini benar-benar mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.”

Perasaan cinta sesama manusia mempunyai nilai yang besar dalam Islam. Dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Malik, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**Yang bermaksud:** “Pasti mendapat kecintaan-Ku bagi dua orang cinta-mencintai kerana-Ku, dua orang yang duduk bersama-sama kerana-Ku, dua orang kunjung mengunjungi kerana-Ku, dan dua orang yang tolong menolong kerana-Ku”.

Oleh itu perasaan cinta sesama suami isteri, anak kepada ibu bapanya, ibu bapa kepada anaknya, saudara mara, jiran tetangga dan rakan taulan semuanya memberi pahala yang besar. Marilah kita bersama-sama meletakkan keutamaan cinta kita kepada ibu bapa, suami isteri dan anak-anak. Ingatlah, Allah Subhanahu wa Ta'ala mencintai kita apabila kita mencintai sesama manusia.

Bahkan, apa sahaja tindakan yang dilakukan untuk memupuk perasaan cinta dan sayang adalah digalakkan seperti memberi hadiah kepada orang yang kita cintai. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari

**Yang bermaksud :** “*Hendaknya kamu saling memberi hadiah, pasti kamu akan saling mencintai*”.

Begitulah indahnya cinta dalam Islam yang membawa kita kepada mencari reda Allah Subhanahu wa Ta'ala.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala**

Hari ini umat Islam terpengaruh dengan budaya cinta yang bercanggah dengan Islam seperti menyambut Hari Kekasih (Valentine Day). Berdasarkan Keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang pada tahun 2012 memutuskan bahawa “Sambutan Hari Kekasih adalah haram dan dilarang kerana mempunyai kaitan dengan agama lain”. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam.

Marilah kita bersama-sama mengingatkan anak-anak remaja kita agar menjauhi sambutan Hari Kekasih. Sambutan ini adalah budaya buruk yang diambil daripada masyarakat bukan Islam. Tidak dapat dinafikan lagi apabila sambutan Hari Kekasih diadakan kebiasaannya akan berlakulah penzinaan. Itulah amalan buruk yang dilakukan masyarakat barat di luar negara.

Kita dapati kes-kes tangkapan khalwat atau mukadimah zina berleluasa pada malam sambutan Hari Kekasih di negara kita. Oleh itu tepat sekali apabila kita dilarang untuk menyambut Sambutan Hari

Kekasih. Ingatlah Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Abu Daud:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

**Maksudnya:** “*Barangsiapa menyerupai suatu kaum maka ia termasuk sebahagian daripada mereka.*”

Islam sama sekali tidak melarang untuk menzahirkan perasaan cinta namun tidak ada jalan yang terbaik untuk ia dilaksanakan kecuali melalui perkahwinan. Cinta dan kasih sayang yang dicurahkan melalui perkahwinan adalah cinta yang bertanggungjawab dan diredayai Allah Subhanahu wa Ta'ala. Bagi yang sudah berjumpa pasangan yang sesuai, segeralah untuk berkahwin. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Majah,

**Yang bermaksud:** “*Tidak pernah dilihat penyelesaian yang terbaik untuk dua orang yang saling mencintai selain berkahwin.*”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala**

Semoga kita dapat menginsafi maksud cinta yang sebenar dan mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam lembah dosa dan maksiat. Marilah kita bersama-sama menasihati terutama ibubapa agar mengawal anak-anak mereka daripada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan seperti berjalan berdua-duaan lebih-lebih lagi membiarkan anak-anak gadisnya membunceng motosikal atau menumpang kereta bersama lelaki bukan mahram. Begitu juga jauhilah diri daripada bersempang yang membawa kepada rangsangan nafsu di media sosial atau perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemaksiatan dan penzinaan.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 32 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَّ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا ﴿٣٢﴾

**Yang bermaksud:** “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.